

27 SEP 1997

Jerebu - Sarawak

KEHIDUPAN HAMPIR NORMAL DI SARAWAK

KUCHING, 27 Sept (Bernama) -- Rakyat Sarawak, yang tertakluk kepada masalah jerebu yang teruk sejak seminggu lepas, nampaknya lega hari ini setelah Indeks Pencemaran Udara menurun dengan banyaknya hari ini berbanding awal minggu.

Kehidupan hampir kembali seperti biasa apabila indeks pengukur jerebu itu terus berkurangan dengan bacaan pada 12 tengah hari ini 127 berbanding 190 tengah malam tadi.

Di kawasan utama negeri di bahagian utara Sibu dan Miri keadaan cuaca dilaporkan semakin baik.

Walaupun tahap itu masih dikategorikan sebagai tidak sihat tetapi bagi Sarawak yang pernah mencatat bacaan melebihi angka 800 pada satu ketika, keadaan hari ini merupakan sesuatu yang boleh dianggap sebagai baik.

Tinjauan rambang di beberapa tempat di sini menunjukkan orang ramai tidak menghiraukan perintah darurat jerebu yang diisytiharkan oleh kerajaan sejak 19 Sept lepas.

Mengikut perintah yang dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, hanya pihak yang terbabit dengan perkhidmatan penting sahaja boleh beroperasi.

Dengan keadaan yang semakin baik semalam, Jawatankuasa Pengurusan Bencana dan Bantuan Negeri melonggarkan arahan penutupan terhadap sektor ekonomi tertentu.

Ketika mengumumkan kelonggaran itu semalam, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr George Chan berkata industri elektronik boleh beroperasi sepenuhnya tetapi tidak bagi sektor lain.

Walaupun majikan kerajaan dan sektor swasta tidak perlu ke tempat kerja kerana pejabatnya tidak beroperasi sepenuhnya, mereka tetap datang bekerja.

Memandangkan hari ini adalah hari gaji, kelihatan ramai berbaris di kaunter bank dan Mesin Pengeluaran Automatik (ATM) untuk mengambil wang.

Semalam Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara berkata sebarang keputusan sama ada untuk menarik balik pengisytiharan darurat itu hanya dibuat selepas penelitian berterusan selama 72 jam dilakukan.

-- BERNAMA

TM NN MAI